

Potensi Besar Bagi Perabot Malaysia Di Amerika Latin
Bernama
7 Mac, 2012

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- Terdapat potensi besar bagi perabot Malaysia di pasaran Amerika Latin walaupun Malaysia akan berdepan persaingan sengit dari Brazil, yang terkenal sebagai pengeluar perabot utama di rantau itu.

Carlos Fernandez, Presiden PT Bybeka, syarikat reka bentuk dan perabot eksklusif di Indonesia berkata Malaysia mempunyai kelebihan kompetitif dari segi harga dan kualiti.

Bybeka, yang mempunyai kemudahan pembuatan di Indonesia, mengkhususkan dalam pengeluaran perabot kayu jati buatan tangan bagi perabot rumah.

"Selain itu, kami juga mendapatkan perabot dari negara-negara lain termasuk Malaysia," katanya kepada Bernama di Pameran Perabot Antarabangsa Malaysia Ke-18, di sini, Rabu.

Fernandez berkata syarikat itu mendapatkan perabot, kebanyakannya sofa kulit daripada pengeluar Malaysia yang bernilai kira-kira US\$60,000 hingga US\$100,000 setahun

"Kami tidak menjangkakan sebarang peningkatan dalam perniagaan kami tahun ini disebabkan kelembapan ekonomi dan krisis hutang di Eropah. Sepanyol yang merupakan satu daripada pelanggan kami, juga turut berdepan dengan krisis hutang," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650667>